

Mengawal jenayah dan pembaziran raja

Matlamat tercapai

ULM. 2-FEB 1993

Oleh ZAINI HASSAN

KUALA LUMPUR 1 Feb. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, kerajaan telahpun mencapai matlamatnya untuk menghentikan kegiatan jenayah dan pembaziran di kalangan raja-raja melalui Pindaan Perlembagaan Persekutuan untuk menghadkan imuniti mereka.

Beliau berkata, ekoran peristiwa-peristiwa yang telah berlaku kebelakangan ini, segala perkara yang selama ini menimbulkan rasa tidak puas hati kerajaan sudah dapat diatasi.

"Tidak ada lagi permintaan-permintaan itu dan ini dari raja-raja," katanya semasa berucap melancarkan Dasar Pertanian Negara dan semasa

bercakap kepada para pemberita selepas itu. Pelancaran itu berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Beliau berkata: "Apa yang kita hendak ialah tidak ada jenayah-jenayah seperti dahulu. Ini dah tak ada dah. Tak berani lagi.

"Pembaziran-pembaziran (di kalangan istana), Menteri Besar sudah berani... kalau dulu minta, kita bagi, minta lagi, kita bagi, kini tidak bagi dah. Itu yang kita hendak."

Perdana Menteri berkata, kepada beliau, apa yang telah dicapai setakat ini merupakan satu kejayaan kerana apa yang sudah lama hendak dilakukan sudah dapat dilakukan.

Dalam hubungan ini, ujarnya, kerajaan berse-

LJHAT MUKA 2

U.M. 2 - FEB 1993

Mengawal jenayah raja: Matlamat tercapai

dia menghadapi apa juga rintangan bagi membela nasib rakyat.

Perdana Menteri menambah, berlakunya kegiatan jenayah dan pembaziran di kalangan istana pada masa lalu adalah kesalahan kerajaan sendiri.

"Dulu salah kita juga, dia (raja) buat salah kita senyap, dia buat lagi, makin lama makin teruk," katanya.

Sambil menegaskan bahawa zaman itu sudah berlalu, beliau menyeru pihak istana supaya mengubah sikap sesuai dengan kehendak zaman.

Dr. Mahathir mengulangi, kerajaan tidak berhasrat untuk menghapuskan institusi raja, "kita sanggup kekalkan, tetapi dengan cara baru."

Perdana Menteri juga menyangkal anggapan bahawa Malaysia sedang dilanda krisis perlembagaan ekoran pindaan yang telahpun diluluskan oleh Parlimen tetapi masih menunggu perkenan Yang di-Pertuan Agong.

"Ada banyak orang kata ada krisis perlembagaan di Malaysia ...tak ada krisis. Dah selesai dah.

"Apa yang berlaku sekarang bukannya krisis perlembagaan, tetapi perubahan," kata beliau.

Dr. Mahathir menegaskan bahawa Rang Undang-Undang yang diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong itu akan menjadi sah dari segi undang-undang dalam tempoh dua bulan kalau pun Seri Paduka tidak menandatangani.

"Perlembagaan menetapkan tempoh tidak lebih dari dua bulan untuk rang undang-undang itu ditandatangani, bagaimanapun jika ia tidak diluluskan (ditandatangani) ia akan menjadi undang-undang juga.

"Bagaimanapun jika pihak istana ada membuat pindaan, ia akan dibawa semula ke Parlimen," jelas beliau.

Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 berhubung soal kekebalan raja di segi undang-undang, perkara berkaitan hasutan dan kuasa pengampunan telah diserahkan kepada Istana Negara Jumaat lalu untuk ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak tergesa-gesa dalam menghadapi keadaan ini "kerana matlamat kerajaan sudah tercapai."

Kerajaan, katanya, sanggup menunggu sehingga dua bulan bagi Yang di-Pertuan Agong memberikan perkenannya.

(Mengikut perlembagaan, sekiranya Yang di-Pertuan Agong tidak memperkenankan rang undang-undang itu, ia akan dibawa kembali ke Parlimen untuk dibahas dan diluluskan sekali lagi, dan selepas itu akan diserahkan kembali kepadanya untuk mendapat perkenan. Ia akan menjadi undang-undang dalam masa 30 hari, walaupun Yang di-Pertuan Agong tidak memperkenankannya.)